

Disediakan untuk : _____

Tarikh dicetak pada: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans kerugian berikutan kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)
Nama Produk : Insurans Kerugian Berikutan Kebakaran

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada anda daripada kerugian ke atas untung, pendapatan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan dalam kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan sebagai akibat kebakaran dan/atau lain-lain peril yang ditambahkan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut :

- Kerugian Untung Kasar (perlindungan dasar perbezaan atau dasar tambahan)
- Kerugian Pendapatan Kasar
- Kerugian Sewa Kasar
- Tanggungan Tetap Sahaja
- Upah (dwi dasar atau 100% atau pro-rata)
- Upah dan gaji berdasarkan rekod gaji
- Penambahan kos kerja sahaja

Anda boleh menambahkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Penyekatan Laluan
- Kemudahan Awam
- Jangkitan atau Penularan Penyakit
- Pembekal
- Pelanggan } Di dalam Malaysia, Singapura atau Brunei

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan bayaran Fi Jurukira sebagai butir tambahan di bawah polisi ini.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi :

- Perlindungan standard : RM_____ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM_____
- Perlindungan tambahan : RM_____

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah : RM_____

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen yang dibayar kepada agen insurans	• 15% daripada premium
• Setem Duti	• RM 10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium

Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda boleh menginsurans berdasarkan nilai anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Pendapatan Kasar / Sewa Kasar bagi tahun sebelumnya, seperti yang tertera di dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran nilai yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro-rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada peruntukan premium yang telah dikeluarkan berdasarkan perbezaan pada nilai tersebut.
- Polisi ini akan terbatal jika syarikat anda ditamatkan atau diambil alih oleh Pembubar Syarikat atau Pemegang Amanah Raya atau berhenti beroperasi selama-lamanya.
- Polisi ini hanya akan diluluskan apabila Polisi Insurans Kebakaran telah diambil dengan pihak kami.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranti premium, contoh;- premium mesti dibayar dan diterima dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

6. **Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?**

Polisi ni tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian oleh kejadian luar biasa yang terjadi ketika tempoh tergendala.
- Kerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan
- Kerugian akibat kekurangan modal yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang
- Kerugian akibat kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awam
- Kebakaran bawah tanah
- Perang, Perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. **Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang ditahan oleh pihak kami.

8. **Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk tersebut di atas atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my
📍 @AllianzMalaysia
🌐 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda dan agen-agen untuk lain-lain jenis perlindungan yang serupa.

NOTA PENTING :

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.